



Home » Pelajar belum divaksin boleh 'walk-in' tunjuk kad matrik



Khairy Jamaluddin, (dua kanan) dan Adham (dua kiri) menunjukkan nota serah tugas jawatan Menteri Kesihatan dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi di ibu pejabat CITF Putrajaya hari ini. Foto FAISOL MUSTAFA

## Pelajar belum divaksin boleh 'walk-in' tunjuk kad matrik

Oleh AMREE AHMAD 8 September 2021, 2:41 pm

PUTRAJAYA – Lebih 200,000 pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) yang belum divaksin, kini boleh berbuat demikian secara 'walk-in' atau jumpa terus di Pusat Pemberian Vaksin (PPV).

Demikian jaminan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Adham Baba sebagai mengulas isu ramai pelajar IPT awam dan swasta di negara ini yang tidak daftar vaksinasi.

"Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 (CITF) sudah buat keputusan untuk membenarkan para pelajar terbabit untuk datang 'walk-in' di PPV dengan syarat tunjuk kad matrik sah," katanya.

Terdahulu, beliau menghadiri majlis serah terima tugas secara rasmi dengan penyandang sebelumnya, Khairy Jamaluddin yang juga bertukar portfolio sebagai Menteri Kesihatan baharu.

Adham berkata, CITF sudah menerima rekod dari Kementerian Pengajian Tinggi yang menunjukkan seramai 547,595 pelajar IPT awam dan swasta di seluruh negara sudah lengkap vaksin.

Angka itu katanya, mewakili 53.2 peratus tetapi semakan kementerian itu juga mendapati lebih 195,000 atau 37.5 peratus pelajar IPT awam langsung tidak mempunyai rekod pendaftaran vaksinasi.

"Jumlah ini adalah lebih tinggi berbanding pelajar IPT swasta pula yang tiada rekod pendaftaran imunisasi iaitu lebih 51,000 atau 10.2 peratus sahaja setakat ini," katanya. – K! ONLINE

**Jika anda mengalami kemurungan dan tekanan hubungi:**










**MHPSS di 03-29359935 atau 014-3223392**

**Talian Kasih 15999 / WhatsApp Talian Kasih di 019-2615999 (Bagi pelbagai bantuan aduan keganasan rumah tangga dan pelbagai lagi masalah seperti penderaan);**

**KSK-Care JAKIM di WhatsApp 011-19598214**

**Befrienders Kuala Lumpur di talian 03-76272929**

## BERITA SELANJUTNYA

|                                                                                    |                                                                                    |                                                                                     |
|------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------|
|   |   |   |
| <b>TMJ titah MB, Pengarah Kesihatan menghadap...</b>                               | <b>Lebih 2,000 penduduk Manjoi divaksin</b>                                        | <b>Biggest Brands at Guaranteed Low Price...</b>                                    |
|   |   |   |
| <b>Pelaburan Bitcoin RM1,000 Yang Membu...</b>                                     | <b>Masa tu suami masih sekolah – Ella</b>                                          | <b>483,855 individu divaksin semalam</b>                                            |
|  |  |  |
| <b>Agnes Monica bakal jadi mualaf?</b>                                             | <b>Mata bengkok sebab alergi, bukan vaksin! ...</b>                                | <b>SPRM siasat penyelewengan sijil...</b>                                           |

## POPULAR



**Penduduk Taman Samudera nikmati bantuan ikan**

9 September 2021, 12:04 pm



**Berdepan hukuman gantung bunuh pengawal keselamatan**

9 September 2021, 11:44 am



**Cari ketenangan bercuti di kampung yang mendamaikan**

9 September 2021, 11:42 am



Polis kesan lelaki bantu siasatan kes dadah

9 September 2021, 11:38 am

#### BERITA BERKAITAN



'Bawa orang, hantar barang, makanan baru dapat RM200'

9 September 2021, 10:50 am



### Aplikasi 'bilis' tawar khidmat haram

9 September 2021, 10:46 am



### Israel tangkap saudara tahanan Palestin yang lolos

9 September 2021, 10:28 am



### 70.5 peratus individu dewasa lengkap dua dos vaksin

9 September 2021, 10:17 am

Pesakit Covid-19 Juga  
Dilindungi Oleh mySalam Secara  
**PERCUMA**



PREMIUM  
LANGGANAN

Hak cipta terpelihara © 2021 Media Mulia Sdn. Bhd.

Terma dan Syarat  
Hubungi Kami